

PRODUCT DISCLOSURE SHEET Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the CIMB Debit Card. Be sure to also read the general terms and conditions.	CIMB BANK BERHAD CIMB ISLAMIC BANK BERHAD CIMB DEBIT CARD DATE : 12 APRIL 2025
1. What is this product about?	
• The CIMB Debit Card (“debit card”) allows you to pay for goods and services online and at retailers locally and overseas via the use of a debit card linked to your selected account approved by us (“Designated Account”) for purposes of carrying out transactions through the use of the debit card. The debit card offers an easier way to shop without having to carry cash all the time. The debit card also allows you to perform cash withdrawals at selected ATMs worldwide. You need to have sufficient funds in your Designated Account in order to carry out any transactions through the use of the debit card. Your total spent amount will be deducted directly from your Designated Account. If you close your Designated Account maintained with us, your debit card will be automatically cancelled. • Your debit card supports 3 debit card networks in Point-of-Sale terminals - MyDebit (accepted in Malaysia), Mastercard (accepted in Malaysia and overseas) and Visa (accepted in Malaysia and overseas). By supporting three of these debit card networks, more retail outlets will accept your debit card for payment in Malaysia and overseas. When using your debit card at retailers in Malaysia, a retailer may choose to accept and process the payment on your card using either MyDebit, Mastercard or Visa network. This is the retailer’s choice and allows the retailer to process the payment via their chosen debit card network. You are not able to request the retailer to change their chosen debit card network. • The Point-of-Sale function on your debit card is defaulted with daily purchase limit preset at RM10,000. For CIMB Prime members and CIMB Preferred members, the limit is preset to RM20,000. You may change this limit in multiples of RM1,000, at any of our ATMs or via CIMB Clicks. • Before using your debit card for online or Card-Not-Present spend transactions, please activate the Card-Not-Present usage function via Consumer Contact Centre. • Your debit card comes with a Contactless Feature which enables you to pay for goods and services by tapping or waving your debit card at contactless readers/ terminals (“Contactless Transactions”). Contactless Transactions not exceeding RM250 do not require your PIN number or signature. The total aggregate Contactless Transaction limit permitted on a daily basis is RM1,000. You can disable the Contactless Transactions feature via Consumer Contact Centre or via our ATMs. You can also reduce its daily limit via any of our ATMs. • To protect against fraud, you will receive an Authentication Code via SMS to authenticate your purchases made online. • Before using your debit card overseas for shopping or ATM withdrawal, please activate the overseas usage function via any of our ATMs, CIMB Clicks, Branch or Consumer Contact Centre. • Instalment payment plans are not available on the debit card. • If the Designated Account is maintained at CIMB Islamic Bank Berhad, the Card issued by the Bank to the Cardholder is based on the Shariah concept of Ujah which refers to payment in exchange for service rendered.	
*Please note that CIMB Clicks is only available to individual and sole proprietor customers of CIMB.	

2. What are the fees and charges I have to pay?

Card Type	Issuance Fee	Annual Fee (Second Year onwards)	Conversion from existing CIMB Automated Teller Machine (ATM) Card
CIMB Debit Card	RM15.00	RM15.00	Waived
CIMB Octo Debit Card	Waived	Waived	Waived
CIMB Preferred Debit Card	Waived	Waived	Waived
CIMB Petronas Debit Card	RM18.00	RM18.00	Waived
Other Fees & Charges			
Domestic ATM withdrawal fee - CIMB ATM network in Malaysia - MEPS Shared ATM network in Malaysia		- Nil - RM1.00/transaction	
International ATM withdrawal fee - MEPS Overseas - Mastercard / Visa Overseas		- RM8.00/transaction - RM10.00/transaction	
Replacement of CIMB Debit Card		RM12.00/replacement	
MyDebit Cash Out Fee		RM0.50/transaction	
Note: The fees and charges listed above are inclusive of any taxes, where applicable.			
- Overseas Transactions are subject to currency conversion rate determined by Mastercard Worldwide or Visa plus with an administration charge of 1% of the total amount transacted plus any other fee that may be charged by Mastercard or Visa. - For Preferred Debit Card, the Administration charge of 1% of the total amount transacted is waived.			

3. What are the key terms and conditions?

- A pre-authorisation amount of RM200 is charged to the Designated Account for petrol purchase at the outdoor pump in petrol stations. The pre-authorisation amount will then be reversed and the actual amount will be charged to your Designated Account upon settlement by the merchant within 3 days.
- Alternatively, you may opt to pay with the debit card at the cashier to avoid the pre-authorisation amount holding.
- No pre-authorisation amount is required for petrol purchase at the outdoor pump in all local PETRONAS and PETRON petrol stations.

4. What if I fail to fulfil my obligations?

- You must always exercise reasonable care in safeguarding your debit card and PIN number from loss and theft.
- You will be liable for PIN-based unauthorised transactions if you have acted fraudulently; delayed in notifying us as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your debit

card; voluntarily disclosed your PIN to another person or recorded your PIN on the debit card or on anything kept in close proximity with your debit card. • In addition to the above, you will be liable for unauthorized transactions which require signature verification or with contactless card, if you have acted fraudulently; delayed in notifying us as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your debit card; if you have left your debit card, or an item containing your debit card, unattended in places visible and accessible to other or voluntarily allow another person to use your debit card. • If your card is used for unauthorised transactions, a copy of your police report must be submitted to the Bank within 7 days. You shall be liable to the Bank for charges incurred including financial charges incurred for any goods or services supplied by merchants, effected through the use of your debit card by any person before the Bank's receipt of your written or verbal notification of such loss and/or theft of your card and/or disclosure of your PIN. • We have the right to terminate your debit card if you fail to abide by the Terms and Conditions of CIMB Debit Card.
5. What are the major risks?
• Where you have activated your debit card for Card-Not-Present ("CNP") spend transactions, for example online, mail order or telephone order transactions which are not authenticated via strong authentication method such as dynamic password and/or for any overseas usage transactions, please note the ease that such transactions may be carried out by an unauthorised person which may lead to unauthorised use of your Designated Account linked to your debit card and you shall be solely liable for the risk and shall hold harmless the Bank for any losses arising from such transactions. • Where you have activated your debit card for CNP spend transactions and/or overseas usage transactions, you may contact our Consumer Contact Centre or any other channels as the Bank may make available to you, to subsequently disable such transactions. • You must notify us immediately after finding out that your debit card is lost or stolen, or PIN number is compromised, or if you suspect that an unauthorised transaction has been conducted on your debit card in order for us to block your card.
6. What do I need to do if there are changes to my contact details?
It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. This can be done by going to any of our branches to update your contact details accordingly.
7. Where can I get further information?
If you have any enquiries, please contact us at: Customer Resolution Unit Address: P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel : +603 6204 7788 E-mail : contactus@cimb.com Alternatively, logon to CIMB website at www.cimb.com.my or visit any of our CIMB branches nationwide.
8. Other Debit Card packages available.
None

The information provided in this Product Disclosure Sheet is valid as of 12/04/2025.

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Kad Debit CIMB. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umum.	CIMB BANK BERHAD CIMB ISLAMIC BANK BERHAD KAD DEBIT CIMB TARIKH : 12 APRIL 2025
1. Apakah produk ini?	
- Kad Debit CIMB ("kad debit") adalah instrumen pembayaran yang membolehkan anda membeli barangan dan perkhidmatan di mana-mana peniaga runcit, dalam talian tempatan dan di luar negara melalui akaun semasa/simpanan anda ("Akaun Ditetapkan"). Kad debit adalah cara yang lebih mudah untuk berbelanja tanpa perlu membawa wang tunai sepanjang masa. Kad debit juga membolehkan anda untuk mengeluarkan wang di mesin tunai di seluruh dunia. Anda perlu deposit wang ke dalam Akaun Ditetapkan anda untuk berbelanja dengan kad debit. Jumlah perbelanjaan kad debit akan ditolak dari Akaun Ditetapkan anda. Jika anda menutup Akaun Ditetapkan yang dikekalkan dengan kami, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik. - Kad debit anda menyokong 3 rangkaian kad debit di Terminal Tempat Jualan – MyDebit (hanya diterima di Malaysia), Mastercard (diterima di Malaysia dan di luar negara) atau Visa (diterima di Malaysia dan di luar negara). Dengan sokongan ketiga-tiga rangkaian kad debit, terdapat lebih banyak peniaga runcit yang akan menerima kad debit anda untuk pembayaran di Malaysia dan luar negara. Apabila menggunakan kad debit anda di Malaysia, peniaga runcit mempunyai pilihan untuk menerima dan memproses pembayaran kad anda sama ada melalui rangkaian MyDebit, Mastercard atau Visa. Ini merupakan pilihan peniaga runcit dan membolehkan peruncit untuk memproses pembayaran anda melalui rangkaian kad debit pilihan mereka. Anda tidak boleh meminta peruncit untuk menukar rangkaian kad debit pilihan mereka. - Fungsi pembelian Terminal Tempat Jualan kad debit telah sedia diaktifkan dengan had perbelanjaan harian yang telah ditetapkan pada RM10,000. Bagi ahli-ahli CIMB Prime dan CIMB Preferred, had ini telah ditetapkan pada RM20,000. Anda boleh mengubah had ini dalam gandaan RM1,000 di mana-mana ATM kami atau melalui CIMB Clicks. - Sebelum menggunakan kad debit anda untuk urus niaga dalam talian atau <i>Card-Not-Present</i>, sila aktifkan fungsi penggunaan <i>Card-Not-Present</i> melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggan. - Kad debit anda mempunyai ciri-ciri Tanpa Sentuhan yang membolehkan anda membayar untuk barangan dan perkhidmatan dengan sentuhan atau imbasan di pembaca/terminal tanpa sentuhan dengan kad debit anda ("Transaksi Tanpa Sentuhan"). Transaksi Tanpa Sentuhan tidak melebihi RM250 tidak memerlukan nombor PIN dan tandatangan anda. Jumlah Transaksi Tanpa Sentuhan agregat dibenarkan pada setiap hari adalah RM1,000. Sekiranya anda ingin menghentikan ciri-ciri Transaksi Tanpa Sentuhan pada kad debit anda, sila hubungi kami melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggan atau melalui ATM. Anda juga boleh mengurangkan had harian melalui ATM kami. - Untuk melindungi daripada penipuan, anda juga akan menerima <i>Authentication Code</i> melalui SMS untuk mengesahkan pembelian yang dibuat atas talian. - Sebelum menggunakan kad debit anda di luar negara, sila aktifkan fungsi penggunaan di luar negara melalui ATM, CIMB Clicks, Cawangan Bank atau Pusat Perkhidmatan Pelanggan. - Pembelian melalui pelan pembayaran ansuran menggunakan kad debit tidak disediakan pada masa ini. - Jika Akaun Ditetapkan diuruskan di CIMB Islamic Bank Berhad, kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad adalah berdasarkan konsep Syariah Ujrah yang merujuk kepada bayaran sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan.	

*Sila ambil maklum bahawa CIMB Clicks hanya berkenaan kepada pelanggan individu dan Milikan Tunggal CIMB.

2. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Card Type	Yuran Pengeluaran	Yuran Tahunan (Tahun Kedua dan Berikutnya)	Penggantian daripada CIMB Automated Teller Machine (ATM) Kad
Kad Debit CIMB	RM15.00	RM15.00	Dikecualikan
Kad Debit Octo CIMB	Dikecualikan	Dikecualikan	Dikecualikan
Kad Debit Preferred CIMB	Dikecualikan	Dikecualikan	Dikecualikan
Kad Debit CIMB Petronas	RM18.00	RM18.00	Dikecualikan
Yuran dan caj lain-lain:			
Yuran pengeluaran wang ATM Tempatan - Rangkaian ATM CIMB Bank di Malaysia - Rangkaian ATM MEPS di Malaysia		- Tiada - RM1.00/transaksi	
Yuran pengeluaran wang ATM Luar Negara - MEPS Overseas - Mastercard / Visa Overseas		- RM8.00/transaksi - RM10.00/transaksi	
Penggantian Kad Debit CIMB		RM12.00/penggantian	
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit		RM0.50/transaksi	
Nota: Semua fi dan caj yang tersenarai di atas termasuk segala cukai, dimana tertakluk. - Urus niaga di luar negara tertakluk kepada kadar pertukaran mata wang asing yang ditentukan oleh Mastercard Worldwide atau Visa berserta dengan bayaran perkhidmatan sebanyak 1% dari jumlah transaksi ditambah dengan sebarang yuran yang dikenakan oleh Mastercard atau Visa. - Untuk Kad Debit CIMB Preferred, caj pentadbiran sebanyak 1% daripada jumlah transaksi dikecualikan.			

3. Apakah terma dan syarat utama?

- Jumlah pra-kebenaran guna RM200 akan dicaj ke akaun kad debit anda untuk pembelian petrol di pam luar stesen. Jumlah pra-kebenaran guna ini akan dikembalikan dalam tempoh 3 hari dan hanya jumlah isian petrol sebenar akan dicaj setelah penyelesaian dibuat oleh pihak peniaga.
- Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan debit kad di kaunter juruwang di stesen petrol untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran.
- Tiada jumlah pra-kebenaran diperlukan untuk pembelian petrol di semua pam luar stesen minyak tempatan PETRONAS dan PETRON.

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Anda mesti mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan kad debit dan nombor PIN anda tidak hilang atau dicuri.
- Anda bertanggungjawab terhadap transaksi tidak sah berasaskan PIN jika anda melakukan penipuan; tidak memaklumkan kami secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tidak sah kad debit anda; secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain atau mencatatkan PIN anda pada kad debit atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran dengan kad debit anda.
- Selain daripada perkara di atas, anda bertanggungjawab terhadap transaksi tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan anda atau transaksi dengan kad tanpa sentuhan, jika anda melakukan penipuan; tidak memaklumkan kami secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tidak sah kad debit anda; anda meninggalkan kad debit anda, atau barang yang mengandungi kad debit anda, di tempat tidak dijaga yang mudah dilihat atau diambil oleh orang lain, atau secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan kad debit anda.
- Sekiranya kad anda digunakan tanpa izin, anda juga perlu mengemukakan laporan polis kepada kami dalam tempoh 7 hari. Anda bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk caj yang ditanggung termasuk caj kewangan yang ditanggung untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga, yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad oleh mana-mana orang sebelum pihak Bank menerima makluman bertulis atau lisan tentang kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN.
- Kami mempunyai hak untuk menamatkan kad debit anda jika anda gagal mematuhi Terma dan Syarat Kad Debit CIMB.

5. Apakah risiko utama?

- Apabila anda telah mengaktifkan kad debit anda untuk urus niaga perbelanjaan *Card-Not-Present* ("CNP"), sebagai contoh urus niaga pembelian dalam talian, tempahan melalui pos atau telefon yang tidak disahkan menerusi kaedah penentusahan kukuh seperti kata laluan dinamik dan/atau untuk sebarang urus niaga luar negara, sila berwaspada bahawa kesenangan urus niaga tersebut mungkin dilakukan oleh orang yang tidak dibenarkan dan ini mungkin menyebabkan penggunaan tidak sah Akaun Ditetapkan anda yang dikaitkan dengan kad debit anda dan anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap risiko tersebut dan tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank bagi sebarang kerugian yang timbul daripada urus niaga tersebut.
- Sekiranya anda telah mengaktifkan kad debit untuk urus niaga perbelanjaan CNP dan/atau urus niaga perbelanjaan luar negara, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami atau mana-mana saluran lain yang disediakan oleh Bank kepada anda untuk menghentikan urus niaga sedemikian.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan serta-merta sebaik sahaja anda menyedari bahawa kad debit anda hilang atau dicuri, atau nombor PIN anda sudah diketahui, atau sekiranya transaksi tidak sah telah dilaksanakan menggunakan kad debit anda, supaya kami boleh menghalang penggunaan kad itu.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan mengenai maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat diterima tepat pada masanya. Ini boleh dibuat dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemaskini maklumat anda.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: Unit Resolusi Pelanggan Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel : +603 6204 7788 E-mel : contactus@cimb.com Sebagai alternatif, layari laman sesawang CIMB di www.cimb.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan CIMB di seluruh negara.
8. Pakej Kad Debit lain yang disediakan.
Tiada.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 12/04/2025.